



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 13 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	259 DARIPADA 388 SEKOLAH DAIF DI SARAWAK SIAP DINAIK TARAF		POSITIF
	https://suarasarawak.my/259-daripada-388-sekolah-daif-di-sarawak-siap-dinaik-taraf/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/12/kpm-laksana-audit-keselamatan-asrama-perkukuh-usaha-bendung-buli-pelajar/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/kpm-guna-pendekatan-rentas-kementerian-atasi-isu-buli/	SUARASARAWAK.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/education-ministry-installs-cctvs-to-combat-bullying-PF14881842	THESUN.MY	
	https://dayakdaily.com/259-of-388-dilapidated-school-projects-in-sarawak-completed-efforts-on-track/	DAYAKDAILY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/09/12/388-projek-sekolah-daif-bernilai-rm3-8-bilion-di-sarawak-diluluskan/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MERASMIKAN SIDANG NASIONAL MGPA 2025		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/09/12/merasmikan-sidang-nasional-mgpa-2025/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LPPKN PERLIS ANJUR FORUM ADVOKASI KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL		POSITIF
	https://malaysiaaktif.my/2025/09/lppkn-perlis-anjur-forum-advokasi-kesihatan-reproduktif-dan-sosial/	MALAYSIAAKTIF.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KONGRES AOSPAG KEDUA FOKUS KESIHATAN SEKSUAL, REPRODUKTIF REMAJA		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466815	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2466834	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MERANCANG BUKAN BERERTI MENOLAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/merancang-bukan-bererti-menolak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KOMUNITI OKU PERLU DIBERI SOKONGAN BERTERUSAN		POSITIF
	https://negerikita.org/komuniti-oku-perlu-diberi-sokongan-berterusan/	NEGERIKITA.ORG	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TUTUP LALUAN PENGANGKATAN MELALUI JPN, GESA AKTIVIS SELEPAS KES PEDOFILIA TERBONGKAR		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/12/tutup-laluan-pengangkutan-melalui-jpn-gesa-aktivis-selepas-kes-pedofilia-terbongkar	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/12/scrap-jpn-adoption-route-urges-activist-after-paedophile-ring-exposed	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PELUANG BERTEMU KARAKTER ANIMASI KEGEMARAN DI ASTRO HOME OF KIDS		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/747705/berita/hiburan/peluang-bertemu-karakter-animasi-kegemaran-di-astro-home-of-kids	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	RUU ANTIBULI: PIHAK BERKEPENTINGAN DIMINTA BERI CADANGAN KONSTRUKTIF - AZALINA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1445179/ruu-antibuli-pihak-berkepentingan-diminta-beri-cadangan-konstruktif	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/12/kerajaan-bersungguh-perangi-salah-laku-buli-fadhlina/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-antibuli-pihak-berkepentingan-diseru-beri-cadangan-konstruktif-azalina-538149	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/12/pihak-berkepentingan-diminta-beri-cadangan-konstruktif-ruu-antibuli	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://malysiabangkit.com/ruu-tribunal-antibuli-bakal-dibentang-fadhlina/	MALYSIABANGKIT.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	TEMAN WANITA BAPA KES DUA BERADIK LEMAS DIBEBAS DENGAN JAMINAN		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/teman-wanita-bapa-kes-dua-beradik-lemas-dibebas-dengan-jaminan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263200/tragedi-di-sungai-linggi-bapa-menangis-merayu-jaminan-untuk-lawat-kubur-anak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/12/bapa-dua-budak-lemas-menangis-rayu-mahu-lawat-kubur-anak/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/12/kereta-gelongsor-dalam-sungai-bapa-didakwa-sebab-kematian-2-anak	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/teman-wanita-bapa-kanak-kanak-lemas-dibebaskan-dengan-jaminan-BF14883640	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2466806	BERNAMA.COM	
	https://www.malysiakini.com/news/755000	MALYSIAKINI.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/bapa-dua-kanak-kanak-lemas-didakwa-sebabkan-kematian-anak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-dua-kanakkanak-lemas-mengaku-tidak-bersalah-sebabkan-kematian-anak-538242	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466894	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2466800	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/12/father-pleads-not-guilty-to-childrens-drowning-in-sungai-linggi-bail-request-to-visit-graves-denied/190873	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PAKAI KOSTUM LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK, LELAKI DITAHAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263356/pakai-kostum-laku-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-lelaki-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/lelaki-pakai-kostum-kartun-disyaki-laku-amang-seksual-fizikal/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-pakai-kostum-ditahan-amang-seksual-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/12/lelaki-pakai-kostum-kartun-dicekup-sentuh-budak-6-tahun-di-pantai-irama/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747738/berita/semasa/lelaki-pakai-kostum-kartun-disyaki-lakukan-amang-seksual-budak-perempuan-enam-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



13/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	AMANG SEKSUAL: PENOLONG PENGURUS DIPENJARAKAN LIMA TAHUN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/amang-seksual-penolong-pengurus-dipenjarakan-lima-tahun	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263258/lelaki-mengaku-bersalah-amang-seksual-fizikal-terhadap-remaja-lelaki	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/747745/berita/semasa/penolong-pengurus-amang-seksual-remaja-lelaki-dipenjarakan-lima-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/penolong-pengurus-dipenjarakan-lima-tahun-amang-seksual-remaja/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/12/penolong-pengurus-mengaku-salah-amang-seksual-remaja-lelaki/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/12/penolong-pengurus-dijel-lempias-nafsu-songsang-dalam-kereta/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=oRkD0HR7EZO	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



259 daripada 388 sekolah daif di Sarawak siap dinaik taraf

259 daripada 388 sekolah daif di Sarawak siap dinaik taraf

👤 Asyraf Halim 📅 12 jam lepas 📍 SARAWAK, UTAMA 🕒 12 jam lepas

KUCHING: Usaha menaik taraf sekolah daif di Sarawak terus menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) demi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan kondusif.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, setakat ini sebanyak 259 daripada 388 projek sekolah daif di negeri ini siap dinaik taraf dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.8 bilion.

"Angka itu membuktikan komitmen berterusan kerajaan Madani bagi memastikan infrastruktur pendidikan di Sarawak tidak lagi ketinggalan berbanding negeri lain.

"Baki projek yang masih berjalan akan terus dipantau rapi agar disiapkan mengikut jadual. Perancangan kita masih berada di landasan yang betul," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke SMK Santubong di sini hari ini, yang turut dihadiri Ahli Parlimen Batang Sadong merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Sejak 2016 hingga kini, sebanyak 1,175 projek pembangunan semula bangunan sekolah daif di seluruh negara diluluskan dengan kos keseluruhan melebihi RM12.47 bilion.

Daripada jumlah itu, 739 projek siap sepenuhnya, merangkumi 258 projek di Sarawak, 229 di Sabah dan 252 di Semenanjung Malaysia, menurut kenyataan KPM.

Dalam lawatan tersebut, Fadhlina menahirkan penghargaan kepada warga sekolah berkenaan termasuk pentadbir, guru dan pelajar atas kejayaan yang dicapai.

"Antara pencapaian terbaharu ialah kemenangan seorang guru dalam pertandingan pidato Rukun Negara peringkat kebangsaan baru-baru ini," katanya.

Beliau turut meluangkan masa meninjau fasiliti sekolah dan pusat kokurikulum di kawasan berkenaan, selain mengenal pasti beberapa isu utama yang memerlukan tindakan segera.

Fadhlina menegaskan, kejayaan menangani cabaran pendidikan di Sarawak memerlukan kerjasama erat antara KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pihak sekolah dan juga wakil rakyat.

"Sinergi ini penting agar isu pendidikan di Sarawak dapat ditangani secara menyeluruh.

"Saya yakin lebih banyak kejayaan akan dilakar oleh warga SMK Santubong dan sekolah-sekolah lain di negeri ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Merasmikan Sidang Nasional MGPA 2025

12 September 2025

Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 11 Sept- Timbalan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad merasmikan Sidang Nasional MGPA 2025 yang diadakan di Connexion Conference & Event Center, Kuala Lumpur.

Sidang ini menghimpunkan pemimpin industri, inovator serta pihak berkepentingan utama dalam bidang hadiah, produk premium dan penjenamaan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LPPKN Perlis Anjur Forum Advokasi Kesihatan Reproduktif dan Sosial



KANGAR, 12 Sep (MalaysiaAktif) – Bagi memperkasakan masyarakat khususnya ibu bapa dalam memberikan pendidikan yang betul kepada remaja tentang kesihatan reproduktif dan sosial, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) Negeri Perlis telah menganjurkan Forum Advokasi Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) Edisi Ibu Bapa.

Menurut Pengarah LPPKN Negeri Mohd Azmy Jakomar, berkata objektif utama forum ini adalah untuk memberi pendedahan tentang kepentingan pendidikan reproduktif dan sosial (SRHE) serta membantu ibu bapa menjadi rakan komunikasi yang efektif kepada anak-anak.

Menurut Pengarah LPPKN Negeri Mohd Azmy Jakomar, berkata objektif utama forum ini adalah untuk memberi pendedahan tentang kepentingan pendidikan reproduktif dan sosial (SRHE) serta membantu ibu bapa menjadi rakan komunikasi yang efektif kepada anak-anak.



Mohd Azmy Jakomar ketika menyampaikan ucapan.

"Pada hari ini lebih dari 180 peserta yang hadir untuk mendengar tiga panel mengupas isu serta memberi pandangan mengenai remaja masa kini dan forum ini juga menyentuh isu-isu seperti perkahwinan bawah umur, kehamilan remaja dan tingkah laku berisiko mereka," ujarnya, di sini semalam.

Tambah Azmy lagi, realiti isu kesihatan reproduktif dan sosial remaja di Perlis perlu diberi perhatian kerana berdasarkan data

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebanyak dua puluh tiga kes rogol melibatkan remaja bawah umur bawah 18 tahun telah dilaporkan pada tahun 2023 di Perlis.

"Manakala kes sumbang mahram pula mencatatkan tiga kes dan satu kes buang bayi direkodkan pada tahun tersebut dan lebih membimbangkan statistik dari Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa sebanyak 132 kes kehamilan remaja berumur di antara 10 hingga 19 tahun telah didaftarkan di Perlis sepanjang tahun 2023 dengan sebahagian daripadanya melibatkan remaja tidak berkahwin," jelasnya.

Bagi memperkukuhkan advokasi dan pendidikan kepada remaja dan ibu bapa, LPPKN Negeri Perlis telah dan akan menganjurkan empat program pada tahun ini seperti Program PEKERTI@IPTA, Forum Advokasi kepada Ibu Bapa, Program KafeTEEN bersama Pembimbing Rakan Sebaya di sekolah menengah dan Program Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran melalui Mobil dan Trak KafeTEEN untuk komuniti remaja di kawasan luar bandar.



Para hadirin bergambar kenangan selepas selesai program.

"Ibu bapa adalah benteng utama dalam membentuk nilai moral dan tingkah laku anak-anak dan saya yakin dengan adanya kerjasama strategik antara pelbagai pihak serta iltizam dan komitmen bersama, kita mampu melahirkan generasi baharu yang bukan sahaja cemerlang daripada segi ilmu dan teknologi malah berjiwa besar, berintegriti, kreatif dan bersedia memainkan peranan produktif dalam memacu kemajuan negeri dan Malaysia secara keseluruhannya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kongres AOSPAG Kedua Fokus Kesihatan Seksual, Reproduksi Remaja

🕒 12/09/2025 02:54 PM



Presiden Asia Oceania Society of Paediatric and Adolescent Gynaecology (AOSPAG) Prof Dr Ani Amelia Zainuddin

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kongres *Asia Oceania Society of Paediatric and Adolescent Gynaecology* (AOSPAG) kali kedua yang menghimpunkan pakar dari pelbagai negara memperkukuh usaha menangani isu kesihatan seksual dan reproduktif kanak-kanak serta remaja perempuan, termasuk masalah kehamilan bawah umur.

Presiden AOSPAG Prof Dr Ani Amelia Zainuddin berkata kongres itu berperanan sebagai platform perkongsian kepakaran dari Malaysia, Indonesia, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Filipina, India, Pakistan, Bangladesh, New Zealand dan Australia melalui persidangan serta webinar bulanan.

"Antara isu utama dibincangkan ialah haid, akil baligh, tumbesaran serta kehamilan remaja. Kongres ini turut membawa pakar luar negara ke Malaysia bagi membincangkan kes rumit dan hasil kajian terkini," katanya pada Kongres AOSPAG Kedua di sini hari ini.

Persidangan tiga hari bermula semalam, dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Mohd Daud Mohd Arif, mewakili Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Ani Amelia berkata hasil daripada jaringan kerjasama antarabangsa itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bakal menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Zhejiang University Children's Hospital of Medicine di China pada November ini.

"Hospital itu mempunyai kepakaran dalam diagnostik molekul, genetik serta penyelidikan, dan MoU ini akan membuka peluang kepada kerjasama penyelidikan serta pembangunan kapasiti," katanya.

AOSPAG ditubuhkan pada 17 Jun 2017 di Hong Kong dengan penyertaan 17 wakil dari sembilan kawasan Asia sebelum berkembang menjadi badan serantau yang aktif memfokuskan isu kesihatan reproduktif remaja.

Ani Amelia berkata Malaysia kini berdepan dua cabaran besar dalam kesihatan reproduktif iaitu kadar kehamilan remaja bawah umur yang tinggi serta penurunan kadar kesuburan.

"Bagi menangani kehamilan remaja, kita perlu meningkatkan pendidikan kesihatan reproduktif bukan sahaja kepada remaja malah ibu bapa dan guru. Pada masa sama, kita perlu menggalakkan wanita berkahwin dan mempunyai anak lebih awal kerana kelewatan itu turut menyumbang kepada masalah kesuburan," katanya.

Beliau berkata kadar obesiti yang tinggi dalam kalangan rakyat turut menjejaskan kesihatan reproduktif, termasuk menyebabkan kitaran haid tidak teratur dan kesukaran untuk hamil.

Statistik Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan 6,144 kes remaja hamil direkodkan dari 2023 hingga Mac 2025 iaitu 2,737 kes pada 2023, 2,752 kes pada 2024 dan 655 kes pada suku pertama tahun ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Merancang bukan bererti menolak

Kolum - Dicipta: 12 September 2025 09:52 AM



FOTO HIASAN

SAUDARA PENGARANG,

Adakah merancang keluarga bermakna menolak rezeki? Inilah salah faham yang masih membelenggu sebahagian masyarakat hingga ke hari ini.

Setiap tahun pada 26 September, dunia menyambut Hari Kontraseptif Sedunia bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan merancang keluarga. Sempena sambutan ini, Kempen Bulan Perancang Keluarga 2025 dilaksanakan sepanjang September sebagai usaha berterusan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya kesihatan reproduktif dan kesejahteraan keluarga.

Perancangan keluarga bukan sekadar soal mengelakkan kehamilan tetapi merangkumi aspek kehidupan yang lebih luas. Pasangan yang merancang bilangan, jarak dan masa kelahiran anak-anak sebenarnya sedang membina keluarga yang lebih tersusun dan seimbang. Tindakan ini memberi kesan positif terhadap kesihatan ibu, kestabilan kewangan, keharmonian rumah tangga serta kesejahteraan emosi. Merancang keluarga bukan bermakna menolak rezeki tetapi menunaikan amanah dengan penuh tanggungjawab.

Realitinya, stigma masyarakat sering menjadikan isu perancangan keluarga sebagai sesuatu yang tabu. Ada yang melabel pasangan yang menggunakan kaedah perancang sebagai menolak anak, takut mengandung atau tidak mahu bertanggungjawab. Hakikatnya, persepsi sebegini sangat tidak adil. Tidak ada pasangan yang merancang keluarga kerana benci kepada anak, sebaliknya mereka memilih jalan ini untuk memastikan setiap kelahiran disambut dengan persediaan yang rapi, kasih sayang yang cukup dan kemampuan untuk memberikan kehidupan yang baik.

Lebih membimbangkan, stigma yang salah ini sering menekan pasangan muda sehingga mereka berasa serba salah membuat keputusan terbaik untuk kehidupan rumah tangga sendiri. Sedangkan, merancang keluarga adalah hak setiap pasangan. Tidak ada siapa berhak merendahkan, apatah lagi menghukum kerana keputusan tersebut dibuat demi kebahagiaan dan masa depan keluarga yang lebih stabil.

Dalam era moden ini, perancangan keluarga semakin relevan. Tekanan hidup akibat kos sara hidup yang tinggi, beban kerja yang mencabar dan kesukaran menyeimbangkan kerjaya dengan kehidupan berumah tangga menuntut perancangan yang bijak. Statistik menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan dalam kalangan pasangan muda dan antara puncanya ialah kurang persediaan menggalas tanggungjawab sebagai ibu bapa. Dengan perancangan yang baik, pasangan lebih bersedia dari segi emosi, mental dan fizikal untuk menyambut cahaya mata sekaligus mengurangkan risiko konflik dan tekanan dalam rumah tangga.

Perancangan keluarga juga tidak seharusnya dipikul oleh wanita sahaja. Lelaki perlu tampil sebagai pasangan yang bertanggungjawab, bersedia berbincang secara terbuka dan memberi sokongan dalam menentukan kaedah perancang yang sesuai. Sikap saling memahami dan bekerjasama inilah yang akan membina keluarga yang harmoni.

Kesedaran awal tentang perancangan keluarga penting bukan sahaja untuk pasangan berkahwin tetapi juga untuk golongan remaja dan belia. Pendidikan tentang kesihatan reproduktif dan seksualiti yang menyeluruh dapat mencegah kehamilan tidak dirancang serta masalah sosial. Generasi muda yang berilmu akan lebih matang, menghargai nilai kekeluargaan dan mampu merancang masa depan dengan lebih baik.

Dari sudut hukum, merancang keluarga dibenarkan selagi bertujuan menjaga kesihatan ibu, menjarakkan kelahiran, mengelakkan mudarat atau memastikan kebajikan keluarga terjamin. Perancangan hanya dilarang apabila niatnya untuk menolak zuriat secara mutlak, menolak rezeki atau menggunakan kaedah yang bercanggah dengan syariat. Selagi kaedah yang dipilih tidak memudaratkan kesihatan dan dilakukan dengan persetujuan suami isteri, merancang keluarga dianggap sebagai ikhtiar yang diharuskan demi kebaikan semua pihak.

Merancang keluarga bukan soal dosa atau menolak takdir tetapi langkah ikhtiar demi kesejahteraan. Pasangan yang membuat keputusan ini sebenarnya sedang memilih jalan yang lebih bijak membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang, mendidik mereka dengan sempurna dan dalam masa yang sama menjaga kestabilan mental serta kewangan keluarga.

Sudah tiba masanya masyarakat berhenti menuding jari dan melemparkan stigma terhadap pasangan yang memilih untuk merancang keluarga. Setiap keputusan adalah hak dan tanggungjawab bersama suami isteri dan bukan ruang untuk orang luar menghakimi. Generasi berkaliti lahir daripada keluarga yang bersedia dan keluarga yang bersedia lahir daripada perancangan yang bijak.

Dengan tema "Keluarga Sejahtera, Minda Sihat", Kempen Bulan Perancang Keluarga 2025 mengajak seluruh masyarakat membuka mata dan hati. Perancangan bukan sekadar angka anak, tetapi keseimbangan hidup, ketenangan jiwa dan kebahagiaan rumah tangga. Merancang keluarga bererti merancang masa depan untuk diri, pasangan, anak-anak dan negara.

Perancangan keluarga bukan lagi isu pinggir, tetapi keperluan mendesak yang wajib difahami tanpa prejudis. Sudah tiba masanya masyarakat berhenti menghakimi dan mula menerima bahawa merancang keluarga tidak pernah menolak rezeki, sebaliknya satu usaha menghargai amanah dengan persediaan terbaik. Berani merancang bermakna berani bahagia, berani matang dan berani menjamin masa depan generasi kita.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin
Kounselor Berdaftar Lembaga Kounselor Malaysia

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Komuniti OKU perlu diberi sokongan berterusan

Faiz Abdullah



PILAH: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pilah, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah merasmikan Program Psikologi OKU: Eksplorasi Potensi Diri Dengan Terapi Seni anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling bersama Unit OKU Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah.

Noorzunita berkata, program ini sangat bermakna kerana ia membuka ruang kepada golongan OKU untuk mengekspresikan diri, membina keyakinan, serta mengasah bakat melalui pendekatan terapi seni.

"Inisiatif sebegini bukan sahaja mengalakkan keterlibatan aktif dalam masyarakat, malah memperkukuh semangat inklusif dan sokongan berterusan kepada komuniti OKU kita.

"Tahniah kepada pihak penganjur atas usaha murni ini.

"Semoga lebih banyak program seumpama ini dapat dilaksanakan demi kesejahteraan dan pembangunan potensi rakyat Kuala Pilah," kata beliau.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan, Muhammad Yusry Che Dah dan Pegawai JK M Kuala Pilah, Azura.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tutup laluan pengangkatan melalui JPN, gesa aktivis selepas kes pedofilia terbongkar

YESTERDAY
Nicholas Chung

Malaysia ada dua sistem pengangkatan selari, masing-masing mempunyai kelemahan tersendiri, namun proses melibatkan JPN didakwa lebih membimbangkan.



Hartini Zainudin dari Yayasan Chow Kit gesa reformasi undang-undang pengangkatan bagi melibatkan pengawasan badan kehakiman yang ketat dan penilaian kebajikan menyeluruh.

PETALING JAYA: Seorang aktivis hak kanak-kanak menyeru Putrajaya merombak undang-undang dan tatacara pengambilan anak angkat, bagi menangani kegagalan sistemik selepas sindiket didapati mengeksploitasi kelemahan undang-undang untuk melakukan penderaan seksual ke atas bayi.

Hartini Zainudin dari Yayasan Chow Kit berkata Malaysia mempunyai dua sistem pengangkatan selari, masing-masing mempunyai kelemahan tersendiri, namun mendakwa proses yang melibatkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kelihatan lebih membimbangkan.

Satu laluan untuk mengambil anak angkat adalah melalui mahkamah di bawah Akta Pengangkatan, kata Hartini. Seorang pegawai kebajikan masyarakat akan dilantik sebagai penjaga 'ad litem' untuk menjalankan siasatan dan menyediakan laporan, melalui proses ini.

Katanya, mahkamah akan mengeluarkan perintah pengangkatan pada akhir proses undang-undang, yang mempunyai kesan memutus semua hubungan antara kanak-kanak itu dengan keluarga biologi.

Proses ini, walaupun terikat dengan undang-undang yang sudah lapuk, lebih dekat dengan piawaian antarabangsa semasa.

Laluan alternatif, di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan dan melibatkan JPN, membenarkan ibu bapa atau mereka yang mendakwa mempunyai hak penjagaan 'de facto' ke atas seorang kanak-kanak untuk mendaftarkan kanak-kanak itu dengan jabatan tersebut selepas dua tahun.

"Dalam proses ini pula, pengawasan kurang kerana tiada prosiding mahkamah, tiada pemeriksaan kebajikan yang kukuh, dan sangat sedikit penelitian latar belakang orang yang mengambil anak angkat," katanya kepada FMT.

"Hak ibu bapa biologi tidak digururkan sepenuhnya, bermakna kanak-kanak itu berada dalam zon samar dari segi undang-undang."

Hartini mendakwa laluan ini terdedah pada penyalahgunaan, dan membolehkan kanak-kanak yang diperdagangkan, bayi tanpa dokumen, dan pemindahan tidak formal dalam kalangan ahli keluarga untuk disahkan tanpa perlindungan mencukupi.

Katanya, laluan ini membuka peluang kepada pedofil untuk memintas sistem mahkamah yang ketat, bagi mendapatkan hak penjagaan kanak-kanak secara sah dengan pemeriksaan yang minimum.

Perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyatukan undang-undang pengambilan anak angkat negara, dengan menggabungkan sistem dwi-laluan ini dan meletakkan ia bawah undang-undang pengambilan anak angkat yang moden, kata Hartini.

"Tutup kelemahan 'pengambilan anak angkat persendirian' melalui JPN ini dengan mewajibkan pengawasan mahkamah bagi setiap kes. Wajibkan semakan daftar penjenayah dan pesalah seks untuk semua orang yang memohon anak angkat."

Hartini juga menyeru agar lembaga atau suruhanjaya pengambilan anak angkat negara ditubuhkan bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan kuasa untuk ia menyelaras antara mahkamah, JPN, polis dan Suhakam.

Menurut aktivis itu, pengawasan pengambilan anak angkat pada masa ini terbahagi antara mahkamah, JPN dan JKM, dengan JKM hanya tertumpu pada aspek kebajikan.

"Tiada badan pusat untuk pengambilan anak angkat atau pemeriksaan silang mandatori melibatkan pangkalan data penjenayah atau pesalah seks," kata Hartini.

Bulan lalu, Bukit Aman membongkar sindiket diketuai seorang dalang yang didakwa merakam dirinya mendera kanak-kanak dan bayi secara seksual, dan menjual video tersebut kepada pembeli tempatan dan asing terpilih.

Suspek, 29, didakwa mendapatkan 'bekalan' mangsa melalui hantaran di Facebook yang menawarkan bayi untuk diambil sebagai anak angkat. Polis mendakwa dia memperoleh hak penjagaan mangsa-mangsa dengan mengambil mereka sebagai anak angkat secara sah.

Video-video mangsa yang didera secara seksual kemudian dijual kepada pembeli melalui aplikasi pesanan Telegram dan di 'dark web'.

Tiga kanak-kanak dan dua bayi diselamatkan dan diletakkan bawah jagaan JKM selepas sindiket itu dibongkar, manakala 10 individu – dua wanita Malaysia dan lapan warga asing – ditangkap untuk membantu siasatan.

Undang-undang anak angkat lapuk

Hartini berkata kedua-dua Akta Pengangkatan dan Akta Pendaftaran Pengangkatan digubal pada 1950-an, sebelum isu seperti pemerdagangan manusia, pedofilia, dan pergerakan kanak-kanak rentas sempadan menjadi kebimbangan serius.

Beliau berkata pengangkatan pada zaman moden mesti disokong oleh dokumentasi yang jelas dan tertakluk pada penelitian badan kehakiman dan penilaian kebajikan yang tuntas – dengan laluan disediakan untuk melaporkan kebimbangan.

"Prinsipnya mestilah demi kepentingan kanak-kanak, selaras piawaian Konvensyen PBB Mengenai Hak Kanak-kanak. Pemantauan selepas pengangkatan mesti ada, dan bukan hanya pemeriksaan sekali sahaja selepas pengangkatan.

"Kes ini bukan hanya tentang kekurangan tatacara. Kes ini lantaran undang-undang kuno, sistem yang terbahagi, dan ketiadaan iltizam politik untuk memodenkan rangka kerja pengangkatan dan perlindungan kanak-kanak," katanya.

Bagaimanapun, Hartini mengingatkan daftar pesalah seks sedia ada tidak didedahkan kepada umum, kerana bimbang individu-individu mengambil undang-undang di tangan sendiri (vigilantism) dan gangguan.

"Senarai awam yang menyeluruh akan melabelkan semua orang dengan label yang sama, walaupun mereka mempunyai risiko rendah untuk mengulangi kesalahan, terutama jika pelaku berumur bawah 18 tahun. Ia berbeza daripada pesalah yang berumur atas 18 tahun.

"Namun begitu, daftar yang terbaik tidak berguna jika laluan pengangkatan itu sendiri adalah telap. Tanpa mereformasi sistem dwi-laluan, pemangsa akan sentiasa mencari bahagian yang paling lemah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peluang bertemu karakter animasi kegemaran di Astro Home of Kids



AISYAH BASARUDDIN

Follow

12 September 2025 02:59pm



Euan (empat dari kiri) ketika majlis pelancaran Astro Home of Kids pada Jumaat.

SYARIKAT peneraju kandungan hiburan dan perkhidmatan, Astro membawakan semula Home of Kids iaitu acara yang menyediakan aktiviti menyeronokkan buat kanak-kanak serta sesi keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Astro, Euan Smith berkata, penganjuran Home of Kids amat bermakna kerana kanak-kanak boleh berinteraksi secara langsung dengan karakter animasi kegemaran mereka.

Menurutnya, acara itu juga bertepatan dengan peranan Astro dalam mendidik kanak-kanak dan ibu bapa mengenai keselamatan kandungan digital.

"Kanak-kanak zaman sekarang membesar dengan dunia digital yang serba pantas dan terdedah kepada skrin telefon, aplikasi serta media sosial.



Maziah ketika mengunjungi reruai Nickelodeon's di Astro Home of Kids pada Jumaat.

"Di saat peluang semakin banyak, begitu juga risikonya. Jadi, kami di Astro mengambil tanggungjawab ini untuk menyediakan kandungan yang benar-benar selamat ditonton golongan sasaran.

"Komitmen ini membawa kepada penghasilan program Astro Home of Kids. Dalam empat hari ini, kanak-kanak dan ibu bapa bakal dihidangkan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk konsert mini Didi & Friends," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis pelancaran Astro Home of Kids bertempat di Pavilion Bukit Jalil di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pegawai Jenama & Pemasaran Astro, Tai Kam Leong.

Astro Home of Kids turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk sesi temu mesra bersama karakter animasi kegemaran seperti Upin dan Ipin, Didi & Friends, Dora The Explorer, Ultraman, Mechamato, Nickelodeon's, Pinkfong, Beyblade dan banyak lagi.

Reruai jualan dan permainan ringkas di setiap khemah penaja juga disediakan untuk kanak-kanak.

Acara tersebut mendapat tajaan Pavilion Bukit Jalil selaku penyedia lokasi, Petrosains, Kentucky Fried Chicken (KFC) dan The Chicken Rice Shop (TCRS).

Program yang dianjurkan setiap tahun itu akan berlangsung dari 12 hingga 15 September bermula jam 10.30 pagi ke 9 malam.

Sementara itu, Maziah berpandangan, program Astro Home of Kids amat bersesuaian dengan hasrat kementerian antaranya keperluan menyediakan kandungan digital yang selamat.

Menurut beliau, inisiatif itu juga saling berhubungkait dengan peruntukan yang termaktub dalam Dasar Kanak-Kanak Negara 2024 iaitu kaedah menangani penggunaan digital.

"Kita lihat cabaran hari ini amat berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya di mana banyak kes dirujuk tentang penggunaan kandungan tidak selamat hingga memberi kesan buruk kepada anak-anak kita.

"Tak perlu kata berada di luar rumah, dari dalam rumah pun mereka terdedah dengan keburukan media sosial contohnya pengantunan seksual serta rasa tidak suka pada diri sendiri disebabkan ada elemen perbandingan dan sebagainya.

"Justeru, inisiatif Astro Home of Kids amat menyokong usaha untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa tentang pemantauan kandungan digital, bukan beri kegembiraan buat kanak-kanak sahaja," ujar beliau.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RUU Antibuli: Pihak berkepentingan diminta beri cadangan konstruktif - Azalina

BERNAMA - September 12, 2025 @ 8:00am



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said bersama Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil selepas merasmikan Platform Pendapat Awam Mengenai Tribunal Antibuli ketika Sesi Townhall Tribunal AntiBuli di Putrajaya. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Pihak berkepentingan diminta menyuarakan cadangan konstruktif kepada kerajaan sepanjang berlangsungnya sesi libat urus berhubung pengubalan rang undang-undang (RUU) antibuli, hingga akhir bulan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata selain berkongsi cadangan ketika sesi libat urus bersemuka, mereka juga boleh memuat naik cadangan menerusi portal khas yang dibangunkan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), iaitu <https://petari.bheuu.gov.my>.

"Objektif *townhall* ini untuk mendapatkan respons daripada banyak pihak, diikuti dengan portal yang dirasmikan. Selain *townhall*, mereka juga boleh muat naik pandangan dan kita akan menilai.

"Kalau kita tengok tadi (*townhall*) ramai yang beri pandangan berhubung isu tanggungjawab, liabiliti, rotan dan macam-macam lagi. Namun, buat masa ini kita tidak memberikan sebarang respons," katanya pada sidang media selepas menghadiri Sesi Townhall 'Antibuli' anjuran BHEUU, semalam.

Turut hadir Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Azalina berkata, sesi libat urus berkenaan akan diteruskan di beberapa negeri lain termasuk di Selangor, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perak bermula minggu hadapan.

RUU dibentang Oktober ini

Dalam pada itu, beliau memaklumkan rang undang-undang berkenaan antibuli itu dijangka dibentangkan di Parlimen sesi Oktober ini selepas selesai sesi libat urus berkenaan.

"Jadi, kami berharap boleh dapatkan kelulusan daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan kita boleh kuat kuasa pada tahun depan.

"... kita mahu mendengar lebih banyak pandangan daripada orang ramai. Tidak bermakna jika masyarakat hanya meluahkan kemarahan tanpa memberikan cadangan yang konstruktif," katanya. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Teman wanita bapa kes dua beradik lemas dibebas dengan jaminan

🕒 12 September 2025, 4:19pm



Lelaki dan wanita yang terbabit dalam insiden dua kanak-kanak lemas selepas kereta dinaiki menggelongsor masuk ke Sungai Linggi, Tanjung Agas, Port Dickson. Foto Fail NSTP

Oleh: Ahmad Hasbi

SEREMBAN: Teman wanita kepada bapa dua kanak-kanak yang meninggal dunia akibat lemas di dalam kereta di Sungai Linggi, Tanjung Agas di Port Dickson, minggu lalu dibebaskan dengan bon jaminan.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad selepas hanya bapa kepada kanak-kanak itu yang dituduh di Mahkamah Sesyen Seremban di sini, hari ini.

Menurutnya, wanita berusia 41 tahun itu akan menjadi saksi pendakwaan bagi kes yang dihadapi lelaki berkenaan.

“Siasatan kes dianggap selesai dan sudah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk pendakwaan.

“Pihak polis sudah mendapat arahan untuk mendakwa suspek lelaki iaitu bapa kepada kedua-dua mangsa di bawah Seksyen 304 (a) Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen hari ini.

“Suspek wanita pula dibenarkan bon jaminan di bawah Seksyen 118 Kanun Prosedur Jenayah dan dijadikan saksi pendakwaan,” katanya pada sidang media hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan dua beradik berusia enam dan lapan tahun lemas selepas kereta yang dinaiki bersama bapa dan seorang wanita terjatuh ke dalam sungai berkenaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pakai kostum laku amang seksual terhadap kanak-kanak, lelaki ditahan

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my



Gambar hiasan

Bachok: Seorang lelaki berpakaian kostum dikesan mengambil kesempatan dengan melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak di Pantai Irama, di sini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Bachok, Deputi Superintendan Mohd Azrie Sulaiman berkata, suspek berusia 36 tahun itu bagaimanapun berjaya ditahan di pantai itu jam 9 malam tadi.

Menurutnya, suspek dipercayai melakukan perbuatan terkutuk itu terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun di taman permainan di pantai berkenaan jam 6.20 petang.

"Kejadian turut dirakamkan oleh orang awam yang berada di lokasi," katanya dalam kenyataan kepada media, hari ini.

"Mangsa dibawa ke hospital untuk pemeriksaan perubatan dan didapati tiada kecederaan fizikal.

"Suspek yang berasal dari Pasir Mas itu didapati positif dadah jenis Methamphetamine dan mempunyai beberapa rekod jenayah lampau. Kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017," katanya.

Mohd Azrie berkata, suspek ditahan reman tujuh hari bermula hari ini sehingga 18 September ini bagi tujuan siasatan lanjut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Amang seksual: Penolong pengurus dipenjarakan lima tahun

Jenayah - Dicipta: 12 September 2025 03:42 PM



Foto RTM

KOTA TINGGI, 12 September – Seorang penolong pengurus dipenjara lima tahun, selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, Johor, atas pertuduhan melakukan amang seksual ke atas kanak-kanak lelaki berusia 16 tahun, pada 6 September lalu.

Tertuduh, Zulhilmi Zailani, 40 tahun, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dihadapan Hakim Haydar Faridzal Abu Hasan.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan Bukit Besar, Kota Tinggi, pada pukul 2.00 pagi, 6 September lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Afiqah Musa manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara itu berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditangkap pada Isnin lalu tanpa dikenakan sebatan.

Tertuduh juga diperintahkan menjalani kaunseling pemulihan dan pengawasan polis selama dua tahun.